

## KENYATAAN AKHBAR

### INISIATIF MBPJ DAN PERSATUAN PENDUDUK MEMBASMI WABAK DENGGI

Sempena sambutan ulangtahun ke-6 Bandaraya Petaling Jaya, satu program Gotong-Royong Perdana telah diadakan di Apartment Impian Baiduri pada 15 julai 2012.

Program yang julung-julung kali diadakan ini merupakan kerjasama antara Jabatan Kesihatan Persekutuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Persatuan Penduduk blok A Apartment Impian Baiduri.

Program ini juga sebenarnya merupakan cadangan dari mendiang Encik Selvarajan a/l Rathiam, bekas ahli majlis MBPJ yang telah meninggal dunia akibat kemalangan jalanraya baru-baru ini. Program ini telah dirancang dari awal tahun 2012 namun tidak kesampaikan untuk dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu.

Program gotong-royong pada ini diadakan bertujuan membersihkan kawasan persekitaran apartment impian baiduri bagi mencegah pembiakan jentik-jentik dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes.

Dari januari 2012 sehingga kini, sebanyak 10 kes demam denggi dilaporkan dari apartment impian baiduri sahaja dan sebanyak 5 kompaun telah dikeluarkan terhadap individu dan premis-premis yang menyumbang kepada pembiakan aedes.

Hasil pemantauan oleh unit kawalan vektor, Jabatan Kesihatan Persekutuan MBPJ mendapati banyak unit rumah kosong dan kawasan persekitaran yang menyumbang kepada pembiakan aedes. Hal ini amat membimbangkan penduduk setempat kerana jika tempat pembiakan aedes ini tidak dimusnahkan, risiko untuk mendapat demam denggi amatlah tinggi.

Ekoran dari perkara ini, inisiatif dari Jabatan Kesihatan MBPJ telah menjalankan aktiviti kawalan fogging, ulv dan larvaciding di kawasan yang berisiko tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak majlis berharap agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

**Tarikh: 16 Julai 2012**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil,  
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**